

# Puisi Melayu nurani bangsa



Rida K Liamsi



Latiff Mohidin

Oleh Hafizah Iszahanid  
[hafiza@bharian.com.my](mailto:hafiza@bharian.com.my)

**S**EJAPAG yang membaca puisi Melayu sebenarnya mereka membaca hati nurani bangsa itu kerana ia mewakili luahan hati nurani orang Melayu tetapi dihasilkan sama ada dalam bentuk kritikan atau ingatan yang disampaikan secara berhemah dan sopan.

Rumusan itu dibuat pada syarahannya, *Membaca Puisi Rumpun Melayu: Membaca Hati Nurani Melayu* yang disampaikan Sarjana Tamu, Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Melayu dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM), Datuk Dr Ahmad Kamal Abdullah.

Beliau yang lebih dikenali sebagai Kemala dan sepanjang enam dasawarsa mengkaji puisi rumpun Melayu yakin bahawa pemuisi Melayu di seluruh Nusantara sebenarnya sangat terusik dengan persekitarannya.

“Orang Melayu sangat terkenal dengan budi bahasa dan sopan tutur bicaranya. Memahami puisi Melayu bermaksud membaca hati nurani Melayu. Saya terkesan tiga perkara ketika meneliti puisi Melayu iaitu ajaib, unik dan profetik (kenabian),” katanya ketika membicara perkara terbabit



**“**Orang Melayu sangat terkenal dengan budi bahasa dan sopan tutur bicaranya. Memahami puisi Melayu bermaksud membaca hati nurani Melayu”

**Dr Kemala**

Sarjana Tamu, Jabatan Bahasa Melayu, UPM

di Serdang, baru-baru ini.

Beliau memberi contoh penganggaran di Nusantara merentangkan idea pemikiran mereka dalam pelbagai genre sastra termasuk puisi dan antara yang boleh dijadikan contoh ialah Tun Seri Lanang lewat

*Sejarah Melayu*.

“Dalam *Hikayat Hang Tuah* pula pembaca diajak merenung patriotisme pahlawan Melayu sewaktu di Majapahit. Kesetiaan dan semangat tinggi melindungi Sultan Melaka, Sultan Mansur Syah yang

akan berkahwin dengan puteri Majapahit, Puteri Galoh Cendera Kirana, terpancar jelas,” katanya.

*Hang Jebat Hang Kasturi  
Budak-budak Raja Melaka  
Jika hendak mencuri*

# Enam dasawarsa kajian Dr Kemala membuktikan perkara terbabit

ri kita bertentang mata.

elain itu, pemuisi Melayu adidakwa selalu menzakan karya yang memperlukan hubungan diri dengan m kosmos, alam ghaib ain dengan pencipta yang seperti dapat dilihat melalui Hamzah Fansuri misalnya ig jelas meletakkan dirinya mpir dengan Tuhan.

lahnya berbulan-bulan mencari tuhan ke dalam tan  
gala menjadi sufi  
gala menjadi syaugi  
gala menjadi ruhi.

Nada profetik dan menggatkan itu terlihat juga dalam karya penyair Brunei, Pangeran Syahbandar Md Ilel Samayuda yang menu-mengenai cintanya pada gara dan sultannya dengan engabadian dalam *Syair ikis*.

Syair itu ditulis bagi menggatkan sultan mengenai pu muslihat penjajah Inggris di Pulau Labuan dan ang yang bermuka-muka dia raja sehingga Pangeran ahbandar diburu, lalu mati mas seperti dapat dilihat dalam bait berikut:

Allah Tuhan Kaya ambamu tiada dapat upaya

Jika ditolong Rasul Anbia  
Lepaslah daripada mara bahaya  
Lepas luput bahaya badan  
Jangan bagi terkena dandan.

Dr Kemala menegaskan, keupayaan pengarang silam Melayu memanfaatkan susasteranya dengan baik turut diperakukan Pengkaji Sastera Melayu, Sekolah Pengajian Timur dan Afrika (SOAS), Universiti London, Prof Dr VI Braginsky.

"Keindahan dan keupayaan memanfaatkan bahasa menjadikan penyair Rumpun Melayu mutakhir seperti Sasterawan Negara (SN), Allahyarham (Dr) Usman Awang, Sutarji Calzoum Bachri, Dr Taufiq Ismail, Goenawan Mohamad, Allahyarham Masuri SN, Moktar Yassin dan Rida K Liamsi memikat hati," katanya.

Latiff Mohidin misalnya adalah generasi baru yang merubah pengucapan ASAS 50 dengan membawa suara neoromantisisme dalam puisi, menjernihkan lagi rasa keMelayuan yang syahdu sambil memanfaatkan surrealisme sebagai dasar seperti dapat dikesan dalam puisi, *Sungai Mekong*.

Sungai Mekong  
Kupilih namamu  
Kerana aku begitu sepi



ALLAHYARHAM Usman Awang

Kan kubenam dadaku  
Ke dasarmu  
Kaki kananku ke bulan  
Kaki kiriku ke matari  
Kan ku hanyutkan hatiku  
Ke kalimu  
Namaku ke muara  
Suaraku ke gunung

Beginit juga dengan Allahyarham Usman sewaktu berhadapan dengan kolonialisme Inggeris menyampaikan imej

dinamik dan rasa kepewiraan dan kepahlawanan untuk menghadapi musuh yang cuba menjajah kemerdekaan pribumi, sama seperti Masuri SN.

Matikanlah gendang perang  
Lagu maut yang bernada setan  
Ia telah membunuh anak-anak kita  
ia telah melebur nilai-nilai budaya!